

06/05/1998

PM mahu kempen KL '98 diperhebat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan supaya kempen lebih agresif digerakkan untuk memastikan rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat membabitkan diri sepenuhnya dalam Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, September ini.

Perdana Menteri membuat arahan itu ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Sukan Komanwel di Jabatan Perdana Menteri (JPM) kelmarin, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Menurutnya, walaupun tahap kesedaran mengenai Sukan Komanwel di kalangan rakyat negara ini begitu tinggi, pembabitan mereka dalam menjayakan temasya berprestij itu masih kecil.

"Jika kita lihat penjualan tiket setakat ini, hanya 70,000 daripada sejumlah 1.26 juta yang sudah ditempah. Ini angka yang begitu kecil.

"Ini menimbulkan kebimbangan bahawa rakyat lebih suka menonton televisyen yang akan menyiarkan acara sukan ini secara langsung daripada bersama-sama di stadium memberi sokongan.

"Kerana itu, Perdana Menteri mahu kempen yang lebih agresif diadakan. Saya sudah memaklumkan kepada mesyuarat itu kempen yang akan digerakkan oleh kementerian di peringkat negeri dan daerah," kata Muhyiddin dalam sidang akhbar di pejabatnya, semalam.

Antara lain, program itu membabitkan perhimpunan orang ramai, pengedaran poster, kain pemedang, pengibaran bendera di bangunan-bangunan dan kedai serta pertandingan hiasan dan lukisan.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu penganjuran Sukan Komanwel berjalan lancar serta mengarahkan supaya segala usaha di peringkat jawatankuasa temasya itu diteruskan.

Dar Mahathir turut mengulangi saranannya supaya pihak yang bertanggungjawab meningkatkan tahap kebersihan di semua gelanggang dan tempat tumpuan awam untuk menjaga imej negara.

"Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan bahawa tugas yang diberikan kepada sukarelawan Sukan Komanwel haruslah dilaksanakan dengan penuh dedikasi.

"Selain itu, Perdana Menteri menyentuh mengenai tindakan beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menggunakan nama Sukom '98 Berhad untuk mengaut keuntungan," kata Muhyiddin.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai tahap persediaan atlet serta tahu program latihan yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan.

"Kita memberikan penerangan mengenai program persediaan atlet kepada Perdana Menteri serta juga anggaran pingat yang mungkin dimenangi oleh kontinjen negara.

"Berdasarkan reaksinya, Perdana Menteri berpuas hati tetapi mahu pencapaian kontinjen negara dipertingkatkan," kata Muhyiddin.

Sementara itu, pegawai Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) sedang menjalankan ujian terakhir di Pusat Doping Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang yang dijangka menerima pengiktirafan akhir bulan ini.

(END)